

RANCANGAN PERNIAGAAN ETR 300

THERMO SCIENTIFIC ENTERPRISE

DISEDIAKAN UNTUK :
ENCIK ARIFFIN
PENSYARAH ETR 300
DBS 5A

DISEDIAKAN OLEH :

- | | |
|----------------------------|----------|
| 1. MOHD NAZRI BIN RAZALI | 95468472 |
| 2. MAHATHIR BIN MOHAMAD | 95203397 |
| 3. IRDAWATI BTE AHMAD MALI | 95364347 |
| 4. RAHAYU BTE MAT YATIM | 95394178 |
| 5. ROHAIZAH BTE MOHAMED | 95236991 |

13 MARCH 1998



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **20hb. November 1997** Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Surat Tuan: Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Surat Kami: **100-CM(AKA 37/B)** Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Mohd Nazri Razali	95468472
2.	Mahathir Mohamad	95203397
3.	Rahayu Mat Yatim	95394178
4.	Rohaizah Mohamed	95236991
5.	Irdawati Ahmad Mali	95364347

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

b/p Shahariah
SHAHARIAH HJ OSMAN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka
b/p Pengetua

SURAT PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Diploma Pengajian Perniagaan
Kajian Pengurusan dan Perniagaan
ITM Cawangan Melaka
Km 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

14 hb Januari 1998

En. Ariffin
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
ITM Cawangan Melaka
Km 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Tuan,

LAPORAN PROJEK KEUSAHAWANAN

Merujuk kepada perkara diatas, kami dengan segala hormatnya mengemukakan Laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk ‘ THERMO SCIENTIFIC ENTERPRISE ‘ sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk melengkapkan mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

2. Kesempatan ini kami ambil untuk merakamkan setinggi - tinggi ucapan terima kasih kepada pihak tuan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, dorongan, serta kritikan yang membina dalam proses untuk menjayakan Rancangan Perniagaan ini.

3. Kami juga tidak ketinggalan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung yang sedia memberikan kerjasama untuk menyediakan Rancangan Perniagaan ini.

4. Harapan kami, penyediaan Rancangan Perniagaan ini akan memberikan panduan kepada kami di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(MOHD NAZRI BIN RAZALI)
95468472

(RAHAYU BTE MAT YATIM)
95394178

(MAHATHIR BIN MOHAMAD)
95203397

(ROHAIZAH BTE MOHAMED)
95236991

(IRDAWATI BTE AHMAD MALI)
95364347

RUMUSAN

Setiap perniagaan bermula dari idea dan setiap idea perniagaan itu terhasil dari kehendak dan keperluan pihak lain. Sehubungan dengan itu, pihak kami dengan sebulat suara bersetuju untuk menubuhkan sebuah perniagaan perkongsian iaitu Thermo Scientific Enterprise.

Setelah sekurang - kuranya tiga bulan yang lalu, perbincangan demi perbincangan telah kami lakukan untuk menghasilkan setiap aspek perniagaan, kewangan, bekalan, tenaga kerja, pemasaran, keselamatan dan lain - lain dapat berjalan dengan lancar.

Dengan menyedari peluang yang wujud di dalam arus perkembangan sains dan teknologi ini, kami telah bercadang untuk melibatkan diri membuka sebuah perniagaan Trading ini iaitu di mana kami akan membekalkan barangan Sains makmal. Dengan berbekalkan modal sebanyak RM 30,665 maka semua perancangan yang dinyatakan pasti akan berjalan dengan baikny.

Secara amnya, lokasi Thermo Scientific terletak di Bandar Baru Bangi. Kelebihan lokasi ini adalah kerana ia terletak berhampiran dengan para pelanggan kami, iaitu UKM, UPM, Institut - institut kesihatan di samping sekolah - sekolah yang berdekatan juga Agensi - agensi kerajaan yang terlibat dalam bidang penyelidikan.

Menyedari wujudnya pesaing yang begitu hebat, Thermo Scientific telah menggariskan beberapa strategi dan matlamat dalam usaha untuk menembusi pasaran yang sedia ada demi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.